

Isu gender bukan halangan wanita untuk berjaya

Naib Canselor UiTM saran golongan hawa perlu ada ilmu, berkeyakinan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Shah Alam: Wanita mempunyai peluang yang sama seperti lelaki, malah mampu jauh lebih hebat, maju dan cemerlang menandingi golongan itu dalam bidang di ceburi sekiranya mereka mempunyai ilmu pengetahuan, berkeyakinan, berkarisma serta tidak bergantung kepada orang lain.

Itu antara nasihat cukup bermakna daripada Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Datuk Dr Roziyah Mohd Janor yang berpendirian gender bukan penghalang kepada laluan dan perkembangan kerjaya lebih cerah bagi golongan wanita.

Memberi contoh perjalanan hidupnya, wanita pertama dilantik memegang jawatan nombor satu di universiti awam terbesar di negara ini berkata, kejayaannya hari ini tidak datang bergolek sebaliknya bermula dari bawah.

Terbabit dalam perubahan dari ITM kepada UiTM

“Sebelum dilantik sebagai Naib Canselor pada 3 September 2021, saya terbabit secara langsung bagi perubahan demi perubahan dalam institusi ini, dari Institut Teknologi MARA (ITM) sehinggalah kepada UiTM.

“Antaranya pada 2007, saya diarahkan untuk lihat semula 302 program ditawarkan di UiTM, bagi memastikan ia menepati kriteria ditetapkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

“Kemudian, pada 2008, saya dilantik sebagai Pengarah Jaminan Kualiti UiTM, antara tugas adalah menyemak kurikulum sedia ada dan program baharu yang diperkenalkan.

“Terdapat 98 standard yang perlu diikuti bagi setiap program dan ini penting kerana salah satunya menjadi penentu kebolehpasaran graduan kita,” katanya

ketika diwawancara di pejabatnya, baru-baru ini.

Sentiasa serius dalam menyelesaikan setiap amanah yang diberikan kepadanya, Roziyah menyifatkan pengalaman mengendalikannya dan memastikan setiap program ditawarkan UiTM selari dengan kehendak MQA antara pengalaman amat berharga sepanjang berkhidmat.

“Pada saya, nak jadi Naib Canselor perlu arif mengenai MQA, itulah formulanya. Inilah senjata untuk kita gerakkan sebuah universiti. Jika tidak, tak usahlah bermimpi untuk menjadi pemimpin sebuah universiti.

“UiTM kini turut diberikan kepercayaan untuk iktiraf program kita sendiri, sama seperti lapan universiti lain. Bagi mengiktiraf program sendiri ini, prosesnya mengambil masa lama dengan banyak perkara perlu dilihat termasuk memastikan pensyarah adalah berkualiti dan penelitian dari aspek fasiliti,” katanya.

Menyentuh pembabitan wanita di UiTM, katanya, setiap tahun ia terus menunjukkan peningkatan memberangsangkan.

“Jika dilihat dari segi gender, tentunya jumlah wanita lebih

“Pada saya, nak jadi Naib Canselor perlu arif mengenai MQA, itulah formulanya. Inilah senjata untuk kita gerakkan sebuah universiti. Jika tidak, tak usahlah bermimpi untuk menjadi pemimpin sebuah universiti”



Roziyah Mohd Janor,
Naib Canselor UiTM

tinggi. Misalnya jumlah pelajar wanita ketika ini sekitar 66 peratus, manakala kakitangan pentadbiran termasuk pensyarah, lebih 50 peratus adalah wanita.

“Begitu juga jawatan pada peringkat pengurusan tertinggi UiTM, tidak ada diskriminasi soal gender. Contohnya, dua daripada enam Pro Canselor ketika ini adalah wanita, selain jumlah Ahli Senat dalam kalangan wanita adalah 52 peratus,” katanya.

Mengulas persepsi wanita sukar menembusi pengurusan tertinggi di institusi atau syarikat, beliau berkata, situasi sedemikian tidak dinafikan berlaku.

“Pada saya, lelaki lebih menonjol dari segi perwatakan, mereka ini kelihatannya lebih yakin. Jadi wanita pun perlu ada perwatakan sedemikian.

“Seperkara lagi jika wanita nak menang dengan lelaki, hanya melalui ilmu. Tak boleh bergantung kepada orang lain untuk menaikkan kita. Memang pada masa sama kita perlukan sokongan orang sekeliling, tetapi mesti disertai dengan ilmu,” katanya.

Ibu tiga anak yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bi-

dang Matematik dari The State University of New York, New Paltz New York, Amerika Syarikat (AS) itu turut melihat setiap wanita mempunyai potensi untuk berjaya dan berupaya memimpin.

Kejayaan bermula dari rumah

Beliau melihat kejayaan seorang wanita itu bermula dari rumah, iaitu dengan menjadikan keluarga sebagai keutamaan.

“Saya berpendapat wanita mesti tahu dan bijak uruskan masa, apatah lagi untuk yang sudah berkeluarga, suami dan anak perlu dijadikan nombor satu dan didahulukan.

“Contohnya, walau sesibuk mana pun saya di pejabat dan memimpin kakitangan ketika bekerja, balik rumah tanggungjawab untuk uruskan keluarga tetap dijalankan dan kerana anak sudah dewasa sekarang, urusan lebih mudah kerana mereka banyak membantu,” katanya.

Beliau berkata, wanita juga perlu saling berkomunikasi dengan keluarga supaya dapat berkongsi aspirasi, impian dan pelan dalam kehidupan sebagai ibu dan dalam kerjaya.